



Hormon cantikkan kulit

Yasmin mudah terkena jerawat dan noda-noda putih. Jerawat sering sahaja tumbuh pada pipi atau dahinya. Bahagian lain pada muka jarang diinggapi jerawat. Bila Yasmin menyapu ubat, jerawat itu hilang dan meninggalkan kesan parut yang berwarna kehitaman. Ada kalanya jerawat yang tumbuh kelihatan seperti ruam kecil pada dahi. Jerawat juga tumbuh pada bahagian belakang badan. Kehadiran jerawat tidak pernah putus. Meskipun sembuh apabila dirawat namun ia akan tumbuh semula. Yasmin yang inginkan kulit licin tanpa cela mencuba pelbagai cara bagi menutupi kekurangan itu. Setiap bulan Yasmin akan ke salon bagi rawatan muka. Selepas rawatan kulit tampak cantik dan berseri namun selepas beberapa hari kulit menjadi kusam semula. Bintik putih dan hitam terlalu banyak sehingga menimbulkan rasa kurang selesa. Apabila bermekap, amat sukar sekali bagi meratakan bedak. Ini adalah kerana bintik hitam dan putih yang banyak menyukarkan bedak asas disapu rata. Lagi pun apabila dia memakai bedak asas jerawat tumbuh semakin banyak. Bintik-bintik putih juga semakin bertambah sehinggakan Yasmin terpaksa berhenti menggunakan bedak asas.

Yasmin melihat sahabat baiknya Julia berkulit mulus dan bersih meskipun setiap hari Julia menggunakan bedak asas dan bersolek tebal. Kulit Julia seolah-olah kebal dan tidak bermasalah meskipun kerap bertukar produk kosmetik dan menggunakan pelbagai jenis bedak dan krim. Yasmin ingin tahu mengapa beliau sukar mendapat kulit yang licin dan cantik meskipun mencuba pelbagai cara. Saya memberitahu Yasmin terdapat perbezaan antara kulit Yasmin dan kulit Julia kerana kulit Julia mempunyai jumlah hormon yang cukup. Yasmin hairan kerana dia tidak tahu bahawa hormon turut mempengaruhi kulit.

Bagi ramai orang kefahaman mengenai hormon sangat terhad. Mereka melihat kepentingan hormon dalam suatu perspektif yang sempit. Sebenarnya kepentingan hormon untuk meningkatkan kecantikan kulit juga sangat penting. Ada hormon yang bertindak secara langsung ke atas kulit kita. Tanpanya kulit ditumbuhi ruam dan berjerawat. Masalah kekurangan hormon bukan sahaja berlaku kepada mereka yang berusia, malahan di kalangan para remaja juga tidak dapat mengelakkan daripada masalah ini. Saya dapati masalah kekurangan hormon begitu ketara di kalangan para remaja sama seperti peringkat usia yang lain. Justeru mereka sukar mendapatkan kulit yang baik. Hormon yang kurang membuatkan kulit mereka dilanda pelbagai masalah.

Jenis hormon yang mempengaruhi kulit.

Hormon adrenal sangat mustahak bagi kecantikan kulit seseorang. Hormon ini dikeluarkan oleh kelenjar adrenal kita yang terletak pada buah pinggang. Kelenjar adrenal adalah kelenjar kecil yang terdiri daripada dua bahagian iaitu korteks dan medulla. Kedua-dua bahagian menghasilkan hormon yang berbeza. Kortisol iaitu hormon dari adrenal merupakan elemen penting dalam kecantikan. Ia juga mustahak bagi pembentukan badan yang cantik dan seimbang. Seseorang yang kurang hormon kortisol akan mempunyai

masalah jerawat, pigmentasi, resdung, gatal-gatal dan juga noda putih yang sukar dirawat meskipun dengan pelbagai kaedah rawatan muka.

Rawatan yang hanya memfokuskan pada kulit sahaja tanpa mengambil kira hormon dalam tubuh kita tidak mungkin memberikan hasil yang kekal pada jangka masa panjang. Ini kerana sekiranya kelenjar hormon yang tidak dirawat sudah menghasilkan hormon pada tahap rendah, masalah yang dihadapi akan

berulang. Jadi demi mendapatkan hasil yang terbaik kita perlu meningkatkan paras kortisol juga.

Saya dapati rawatan laser dan peningkatan kualiti kulit perlulah disekalikan dengan rawatan peningkatan hormon dalam tubuh.

Bintik-bintik putih adalah radang pada kulit. Ia terjadi apabila kelenjar sebum menghasilkan terlalu banyak sebum. Kekurangan hormon kortisol menyebabkan kulit menjadi terlalu sensitif. Proses keradangan membuatkan kulit rasa gatal dan tidak selesa. Bintik-bintik putih pada hidung dan dahi membuatkan pori-pori kulit kita terbuka dan kulit tampak kasar. Bila dipicit bintik-bintik keluar sebagaimana nanah, berbau dan membuatkan pengidapnya tidak selesa.

Bagi memperolehi kulit mulus, kita juga harus menitikberatkan faktor mencukupkan hormon dalam badan. Setelah hormon ditingkatkan, bintik-bintik putih tidak lagi terjadi dan keradangan pula mula hilang. Kulit juga tidak berbau busuk lagi. Masalah kekurangan kortisol boleh berlaku kepada seseorang yang gemuk atau kurus. Jelas di sini faktor berat badan atau saiz badan tidak memainkan peranan dalam menentukan kualiti kulit seseorang. Seseorang yang terlalu kurus apabila kortisol ditambah akan berubah menjadi lebih berisi dan mendapat bentuk badan yang lebih menarik. Seseorang yang terlalu gemuk pula apabila kortisol ditambah akan mula mendapat penurunan berat badan yang seimbang dan berubah menjadi lebih cantik. Jelaslah bagi kita bahawa kepentingan hormon kortisol tidak boleh dipertikaikan lagi.

Tanda tanda kekurangan kortisol.

1. Mudah alah dan mendapat gatal-gatal kulit apabila makan makanan tertentu atau menggunakan produk tertentu (mudah mendapat alahan)
2. Jerawat dan radang kulit
3. Bintik-bintik putih yang banyak
4. Tampak lebih tua daripada usia sebenar
5. Kulit tampak gelap
6. Terlalu gelap pada ketiak dan celah-celah lipatan badan seperti leher dan bawah buah dada
7. Gelap di belakang lutut
8. Parut-parut lama berwarna kehitaman
9. Terlalu gemuk dan sukar untuk kurus meskipun berdiet
10. Terlalu kurus dan sukar meningkatkan berat badan meskipun makan banyak.

Di dalam tubuh kita terdapat pelbagai hormon yang saling berinteraksi. Apabila kortisol kurang maka hormon lain akan turut merosot. Hormon thyroxine misalnya amat sensitif dengan kehadiran hormon adrenal. Apabila hormon adrenal rendah ia turut menjadi rendah juga. Ini membuatkan seseorang menjadi gemuk dan sukar menurunkan berat badan. Proses metabolisme menjadi rendah dan seseorang akan mudah letih.

Setelah menjalani terapi penambahan hormone Yasmin mula berubah. Bintik-bintik putih yang mengganggu telah tiada dan Yasmin bebas menggunakan mekap tebal serta bedak asas tanpa sebarang masalah.

“Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel”



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Sepang : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949*Kelantan : 017-3581610